



## SOALAN LAZIM PERMOHONAN PENGURUSAN BAKI CUTI REHAT

1. Bilakah saya boleh mula membuat permohonan pengurusan baki Cuti Rehat tahunan?
  - Permohonan pengurusan baki Cuti Rehat boleh dilakukan mulai **25 Disember tahun semasa hingga 7 Januari tahun seterusnya** (cth: 25 Disember 2021 hingga 7 Januari 2022)
  
2. Apakah yang perlu saya lakukan apabila Bahagian Sumber Manusia mengumumkan tempoh permohonan pengurusan baki Cuti Rehat telah dibuka?
  - Tuan/puan perlu log masuk ke dalam e-community > staff management > personal > leave > carry forward;
  - Membuat agihan baki Cuti Rehat ke dalam GCR atau di bawa ke hadapan;
  - Mengemukakan permohonan dengan menekan butang submit;
  - Membuat pengesahan permohonan; dan
  - Menunggu kelulusan;
  - Setelah menerima kelulusan, agihan akan dimasukkan mengikut ke dalam kelayakan yang berkenaan.
  
3. Apakah kesan sekiranya saya tidak membuat permohonan pengurusan baki Cuti Rehat?
  - Sekiranya tuan/puan tidak membuat permohonan pengurusan baki Cuti Rehat dalam tempoh yang telah ditetapkan, tuan/puan tidak dibenarkan untuk membuat pengumpulan GCR bagi tahun tersebut.
  
4. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tersalah mengisi maklumat cuti bawa hadapan dan GCR?
  - Permohonan adalah muktamad dan tidak boleh dipinda. Tuan/puan dinasihatkan untuk meneliti pengisian borang sebelum mengemukakan permohonan.

5. Saya telah selesai membuat permohonan pengurusan baki Cuti Rehat, namun ada keperluan mendesak pada tahun semasa perlukan cuti (EL), bolehkah saya mengambil semula cuti tersebut?
  - Sebarang pindaan hanya dibenarkan dalam tempoh permohonan pengurusan baki Cuti Rehat (25 Disember tahun semasa hingga 7 Januari tahun seterusnya, cth: 25 Disember 2021 hingga 7 Januari 2022) dengan kelulusan Ketua Jabatan.
  
6. Adakah saya perlu menghantar borang permohonan kepada Seksyen Perkhidmatan setelah selesai membuat permohonan pengurusan baki Cuti Rehat?
  - Tidak. Hanya staf di bawah skim KP sahaja yang perlu menghantar borang permohonan pengurusan baki Cuti Rehat kepada Bahagian Sumber Manusia.
  
7. Bilakah saya boleh mula memohon cuti rehat bagi tahun 2022?
  - Tuan/puan boleh mula mengemukakan permohonan Cuti Rehat tahun hadapan di e-community mulai 26 Disember tahun semasa setiap tahun.
  
8. Saya mempunyai rekod ketidakhadiran ke pejabat pada tahun-tahun lalu, adakah ia akan menjejaskan kelayakan saya untuk membuat permohonan pengurusan baki Cuti Rehat?
  - Hanya staf mempunyai rekod ketidakhadiran dalam tahun semasa sahaja tidak dibenarkan untuk membuat permohonan pengurusan baki Cuti Rehat.

Disediakan oleh:

Seksyen Perkhidmatan, Pengurusan Prestasi dan Ganjaran

Bahagian Sumber Manusia

Jabatan Pendaftar

16 November 2021